



Good food, Good life

TERMA DAN SYARAT

A. Jadual bagi Syarat Penyertaan

1. <u>Penganjur:</u>	Nestlé Products Sdn. Bhd. [197901000966].
2. <u>Promosi:</u>	PERADUAN MAGGI GAYA GURU, GERAI NYAMAI JOM MASAK, MENANG & KONGSI BERSAMA.
3. <u>Tempoh Promosi:</u>	Promosi bermula jam 00:00:00 pada 01/05/2023 dan ditutup jam 23:59:59 pada 30/06/2023.
4. <u>Kelayakan:</u>	Promosi ini dibuka kepada semua penduduk di SARAWAK yang sah berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi, dan dengan dokumen pengenalan yang sah dan beralamat rumah di SARAWAK . Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.
5. <u>Produk Turut Serta & Kaedah Penyertaan:</u>	<ol style="list-style-type: none">Sila rujuk Jadual Bukti Pembelian ["Jadual BP"] yang ditunjukkan pada borang penyertaan Promosi ["Borang"] untuk senarai produk MAGGI yang mengambil bahagian dengan tarikh luput <u>Mei 2023</u> atau ke atas untuk Promosi ["Produk"].Borang boleh didapati di: https://www.maggi.com.my.Terdapat dua [2] kaedah penyertaan dalam Promosi iaitu sama ada melalui:<ol style="list-style-type: none">WhatsApp dan,Pos atau <i>Drop Box</i> – (hanya tersedia di outlet yang mengambil bahagian dengan Promoter).Semua kaedah penghantaran lain termasuk tetapi tidak terhad kepada perkhidmatan kurier, atau POS Laju akan dibatalkan.Semasa proses pemilihan Pemenang, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri kepada penyertaan WhatsApp dan Pos atau <i>Drop Box</i> yang diterima mengikut Jadual BP sehingga maksima lima puluh [50] nombor bersiri sahaja. Sila rujuk klausma Maklumat Pengadilan di bawah.Semua penyertaan yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sini akan dibatalkan kelayakan oleh Penganjur.

<p>6. <u>Kaedah Penyertaan Melalui WhatsApp:</u></p>	<ul style="list-style-type: none"> a. Untuk menyertai dalam Promosi dan menghantar penyertaan melalui WhatsApp, beli sekurang-kurangnya satu [1] atau lebih Produk dalam satu resit asal daripada mana-mana outlet dalam kedai [“Resit”] semasa Tempoh Promosi. Resit adalah bukti pembelian untuk penyertaan yang dihantar melalui WhatsApp. b. Resit boleh didapati dalam bentuk resit bercetak dari sistem ‘point of sales’ dan/atau resit bertulis untuk pembelian dalam kedai. Resit mesti mengandungi nama dan/atau logo outlet dan di mana pembelian dibuat. Sekiranya tidak tertera, Resit perlu dicap dengan cap rasmi outlet syarikat di mana pembelian dibuat. c. Resit juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian, nombor Resit dan nama dan/atau logo outlet [“Butiran Resit”]. d. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang mereka inginkan tetapi setiap Resit unik HANYA layak untuk satu [1] penyerahan penyertaan sahaja. Pengajur berhak untuk membatalkan penyertaan mana-mana Penyertaan dengan Resit yang dicetak semula dan/atau Resit yang berulang dan/atau mengandungi lebih dari satu [1] Resit. e. <u>Langkah-langkah penyertaan WhatsApp:</u> <ul style="list-style-type: none"> i. Tulis di depan Resit nama penuh anda dan nombor pengenalan [“Butiran Peribadi”]. <u>Contoh, tulis di atas Resit: Aleena binti Ali 950102148586</u> ii. Tangkap satu [1] gambar/imej yang <u>jelas dan boleh dibaca</u> satu [1] Resit asal, lengkap dengan Butiran Peribadi dan Butiran Resit [“Imej”]. Satu [1] Imej mesti mengandungi gambar satu [1] Resit sahaja. iii. Hantar “consentWA” melalui WhatsApp ke 6018 388 3533 dari mana-mana nombor mudah alih yang didaftarkan di Malaysia. Ini adalah untuk memberikan persetujuan anda untuk menghantar melalui aplikasi WhatsApp dari nombor WhatsApp yang dinyatakan di atas. Anda hanya perlu memberikan persetujuan anda sekali sahaja. iv. Setelah anda memberikan persetujuan anda, anda boleh meneruskan untuk menghantar Imej anda ke 6018 388 3533 [“Penyertaan WhatsApp”]. v. Pengajur AKAN auto-balas dengan menghantar laporan perakuan penerimaan untuk Penyertaan WhatsApp pertama sahaja yang diterima oleh setiap nombor mudah alih. f. Pengajur akan mengekstrak semua Penyertaan yang diterima untuk proses selanjutnya. Penyertaan WhatsApp yang tidak jelas, tidak dapat dibaca dan tidak lengkap akan dibatalkan.
---	--

	<p>g. Penganjur berhak untuk meminta Resit asal [salinan cetak] sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak Resit apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan dan pelucutan hadiah.</p>
7. <u>Kaedah Penyertaan Melalui Pos & Drop Box:</u>	<p>a. Untuk menyertai dalam Promosi dan menghantar penyertaan melalui Pos atau Drop Box, beli minima satu [1] atau lebih Produk daripada mana-mana outlet semasa Tempoh Promosi dan ambil pembungkusan Produk dengan tarikh luput <u>Mei 2023</u> atau ke atas [“Pembungkusan”]. Pembungkusan Produk adalah bukti pembelian untuk penyertaan melalui Pos atau <i>Drop Box</i>.</p> <p>b. Lengkapkan satu [1] Borang Penyertaan Promosi [“Borang”] dengan butiran yang diperlukan iaitu nama penuh, nombor pengenalan dan nombor mudah alih [WhatsApp diaktifkan] dan lampirkan satu [1] atau lebih Pembungkusan sebagai bukti pembelian.</p> <p>Melalui Pos: Borang yang telah lengkap diisi bersama dengan satu [1] atau lebih pembungkusan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dan dipos melalui pos biasa sahaja ke alamat Peti Surat yang dinyatakan dalam borang: PERADUAN MAGGI GAYA GURU, GERAI NYAMAI JOM MASAK, MENANG & KONGSI BERSAMA PO BOX A220 KENYALANG PARK 93307 KUCHING, SARAWAK</p> <p>ATAU</p> <p>Melalui Drop Box: Borang yang telah lengkap diisi bersama dengan satu [1] atau lebih pembungkusan mesti dimasukkan ke dalam <i>Drop Box</i> di mana-mana outlet yang mengambil bahagian bersama dengan Promoter [“Penyertaan Pos & Drop Box”].</p> <p>c. Penganjur menerima Penyertaan Pos & <i>Drop Box</i> dengan berbilang pembungkusan. Penyertaan Pos & <i>Drop Box</i> yang tidak boleh dibaca dan tidak lengkap akan dibatalkan.</p>
8. <u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u>	Semua Penyertaan Promosi mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 30/06/2023. Semua Penyertaan Promosi yang diterima di luar Tempoh Promosi akan dibatalkan secara automatik.
9. <u>Hadiah Mingguan:</u>	<p>a. Terdapat dua puluh [20] Hadiah Mingguan dalam bentuk wang tunai RM100 setiap satu untuk dimenangi setiap minggu untuk lapan [8] minggu berturut-turut.</p> <p>b. Terdapat sejumlah satu ratus enam puluh [160] Hadiah Mingguan yang akan dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.</p>

	<p>c. Lapan [8] tempoh mingguan adalah seperti di bawah:</p> <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 50%;">Minggu 1: 01/05 – 07/05/2023</td><td style="width: 50%;">Minggu 2: 08/05 – 14/05/2023</td></tr> <tr> <td>Minggu 3: 15/05 – 21/05/2023</td><td>Minggu 4: 22/05 – 28/05/2023</td></tr> <tr> <td>Minggu 5: 29/05 – 04/06/2023</td><td>Minggu 6: 05/06 – 11/06/2023</td></tr> <tr> <td>Minggu 7: 12/06 – 18/06/2023</td><td>Minggu 8: 19/06 – 30/06/2023</td></tr> </table>	Minggu 1: 01/05 – 07/05/2023	Minggu 2: 08/05 – 14/05/2023	Minggu 3: 15/05 – 21/05/2023	Minggu 4: 22/05 – 28/05/2023	Minggu 5: 29/05 – 04/06/2023	Minggu 6: 05/06 – 11/06/2023	Minggu 7: 12/06 – 18/06/2023	Minggu 8: 19/06 – 30/06/2023
Minggu 1: 01/05 – 07/05/2023	Minggu 2: 08/05 – 14/05/2023								
Minggu 3: 15/05 – 21/05/2023	Minggu 4: 22/05 – 28/05/2023								
Minggu 5: 29/05 – 04/06/2023	Minggu 6: 05/06 – 11/06/2023								
Minggu 7: 12/06 – 18/06/2023	Minggu 8: 19/06 – 30/06/2023								
10. <u>Maklumat Pengadilan Hadiah Mingguan:</u>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Mingguan, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri berdasarkan Jadual BP bagi setiap Penyertaan WhatsApp, Penyertaan Pos atau <i>Drop Box</i> yang diterima setiap minggu dan diluluskan oleh Penganjur sebagai Penyertaan yang berjaya berdasarkan BP yang diterima [setiap satu dan secara kolektif “Penyertaan Layak”]. Setiap minggu, satu set nombor bersiri akan diperuntukkan bagi Penyertaan Layak bermula dengan nombor bersiri “1”.</p> <p>b. Setiap minggu nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak [“Jumlah Penyertaan Layak”]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak bagi minggu tersebut ialah <u>1088</u>, Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan cara berikut:</p> <p>i. Pemilihan mingguan dua puluh [20] Finalis Hadiah Mingguan: $1088 \div 20 = 54.4$. Oleh sebab pembahagian 1088 dengan 20 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 54.4 akan dibundarkan ke bawah kepada <u>54</u>. 20 Peserta dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 54*, 108*, 162*, 216, 270, 324, 378, 432 dan 486 [*contoh pengiraan: <u>54, 54+54=108, 108+54=162</u>].</p>								
11. <u>Hadiah Utama:</u>	<p>a. Terdapat empat [4] Hadiah Cabaran Akhir MAGGI yang terdiri daripada:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Satu [1] Hadiah Utama terdiri daripada PROTON X70 bernilai RM99,000.00 [OTR] untuk dimenangi pada akhir Tempoh Promosi. Hadiah Utama adalah termasuk kos untuk pendaftaran kereta standard, cukai jalan dan insurans. Sebarang bayaran tambahan dan/atau yuran rampaian, kos dan/atau perbelanjaan yang akan ditanggung berkaitan dengan penggunaan dan/atau pengekalan Hadiah Utama hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh dan tanggungjawab pemenang Hadiah Utama sepenuhnya; dan ii. Tiga [3] Hadiah Pertama yang terdiri daripada TV UHD 4K PHILIPS 55” bernilai RM2,000.00 setiap satu. <p>b. Terdapat enam [6] Hadiah Kedua yang terdiri daripada PHILIPS Air Fryer bernilai RM680.00 setiap satu untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p> <p>c. Terdapat enam puluh [60] Hadiah Ketiga yang terdiri daripada Set KITCHENWARE bernilai RM200 setiap satu untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p>								

<p>12. <u>Maklumat Pengadilan - Hadiah Utama:</u></p>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan finalis Hadiah Utama, SEMUA Penyertaan Layak yang dikumpulkan dan diproses oleh Penganjur setiap proses pemilihan Finalis mingguan dan sepanjang Tempoh Promosi akan secara berasingan diperuntukkan satu set nombor bersiri yang bermula dengan nombor bersiri “1”.</p> <p>b. Di akhir Tempoh Peraduan nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak [“Jumlah Penyertaan Layak”]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak ialah 12005, Penganjur akan mengira dan memilih Finalis Hadiah Utama berdasarkan cara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pemilihan empat [4] Hadiah Finalis Cabaran Akhir MAGGI: $12005 \div 4 = 3001.25$. Oleh sebab pembahagian 12005 dengan 4 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 3001.25 akan dibundarkan ke bawah kepada 3001. 4 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 3001*, 6002*, 9003* dan 12004 [*contoh pengiraan: 3001, $3001+3001=6002$, $6002+3001=9003$]. ii. Pemilihan enam [6] Hadiah Finalis Kedua: $12005 \div 6 = 2000.8$. Oleh sebab pembahagian 12005 dengan 6 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 2000.8 akan dibundarkan ke bawah kepada 2000. 6 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 2000*, 4000*, 6000*, 8000, 10000 dan 12000 [*contoh pengiraan: 2000, $2000+2000=4000$, $4000+2000=6000$]. iii. Pemilihan enam puluh [60] Hadiah Finalis Ketiga: $12005 \div 60 = 200.08$. Oleh sebab pembahagian 12005 dengan 60 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 200.08 akan dibundarkan ke bawah kepada 200. 60 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 200*, 400*, 600* dan seterusnya [*contoh pengiraan: 200, $200+200=400$, $400+200=600$].
<p>11. <u>Hadiah Cabaran Akhir MAGGI:</u></p>	<p>a. Empat [4] Peserta yang dipilih mesti menyertai Cabaran Akhir MAGGI 2023 [“Cabarans”] untuk menentukan Hadiah yang akan mereka menangi.</p> <p>b. Penganjur akan menghubungi semua Finalis Cabaran terpilih melalui nombor hubungan yang diterima Penganjur dalam Penyertaan Layak. Finalis Cabaran yang terpilih akan dijemput untuk menyertai Cabaran. Penganjur akan memberitahu Finalis Cabaran tentang tempat, tarikh dan masa Cabaran. Sebarang kos perjalanan dan/atau penginapan yang ditanggung oleh Finalis Cabaran untuk menyertai Cabaran adalah menjadi tanggungjawab Finalis Cabaran.</p> <p>c. Penyertaan oleh Finalis Cabaran dalam Cabaran selanjutnya akan tertakluk kepada satu set terma dan syarat [“Peraturan Dasar”] yang akan dimaklumkan dan diumumkan oleh Penganjur pada hari Cabaran kepada Finalis Cabaran.</p>

	<p>d. Tertakluk kepada pematuhan ketat Finalis Utama kepada Peraturan Dasar yang ditetapkan oleh Penganjur semasa Cabaran, setiap Finalis Cabaran mesti mengambil bahagian dalam Cabaran yang ditetapkan oleh Penganjur untuk menentukan Hadiah yang dimenangi.</p> <p>e. Finalis Cabaran yang gagal dan/atau enggan mengambil bahagian dalam Cabaran atas sebab apa pun secara automatik akan dibatalkan kelayakan oleh Penganjur dan hadiah yang telah diperuntukkan untuk Finalis Cabaran yang berkaitan akan dibatalkan oleh Penganjur.</p> <p>f. Hak Finalis Cabaran untuk mengambil bahagian dalam Cabaran tidak boleh dipindah milik sama sekali. Setiap Peserta hanya boleh memenangi satu [1] Hadiah Cabaran sepanjang Tempoh Promosi.</p>
13. <u>Terma Tambahan:</u>	<p>a. Penganjur akan menghubungi semua Finalis Hadiah Mingguan, Hadiah Kedua dan Hadiah Ketiga melalui WhatsApp dari 6018 388 3533 ke nombor mudah alih yang diterima oleh Penganjur dalam Penyertaan Layak. Setiap Finalis terpilih akan diberikan satu [1] soalan untuk dijawab. Finalis terpilih perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Kegagalan untuk menjawab dengan betul dan/atau kegagalan untuk menjawab soalan yang diberikan oleh Penganjur dalam masa yang dinyatakan akan mengakibatkan pembatalan Hadiah. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak boleh dihubungi atas apa jua sebab.</p> <p>b. Setiap peserta hanya boleh memenangi di sepanjang Tempoh Promosi:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Satu [1] Hadiah Mingguan setiap minggu, [maksima sehingga dua [2] Hadiah Mingguan; dan ii. Satu [1] Hadiah Utama dengan nilai tertinggi. <p>c. Atas permintaan, semua Pemenang mesti memberikan butiran peribadi mereka kepada Penganjur untuk pemenuhan hadiah.</p> <p>d. Semua hadiah akan dihantar kepada Pemenang dalam tempoh 6 – 8 minggu dari tarikh tutup Promosi. Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa penghantaran Hadiah dan kaedah pemenuhan yang dinyatakan di bawah klausa ini mengikut budi bicara Penganjur.</p> <p>e. Semua hadiah wang tunai akan dikreditkan ke akaun bank tempatan Pemenang dalam tempoh 6 – 8 minggu dari tarikh tutup Promosi. Semua Pemenang MESTI memberikan nombor akaun bank tempatan peribadi mereka sendiri apabila diminta. Penganjur berhak untuk melucutkan hadiah wang tunai jika butiran akaun bank tempatan yang diberikan BUKAN atas nama Pemenang dan/atau Pemenang gagal memberikan butiran akaun bank tempatan mereka di atas permintaan.</p>

	<p>f. Semua hadiah yang tidak dituntut selepas tarikh akhir yang ditentukan oleh Pengajur untuk mengambil hadiah akan dibatalkan. Pengajur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan alternatif yang sama nilainya atau lebih besar.</p> <p>g. Pengajur tidak termasuk tanggungjawabnya dan semua tanggungjawab yang timbul daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan atau pengubahsuaian pada Promosi atau hadiah atau disebabkan oleh keadaan lain yang tidak dijangka dan di luar kawalan Pengajur seperti campur tangan pihak pemerintah, kekacauan awam, rusuhan, perang, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan keganasan, permusuhan, kecemasan nasional, atau berlakunya epidemik/pandemik) dan untuk sebarang tindakan atau keingkaran oleh mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga.</p> <p>h. Pengajur tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan yang berlaku ke atas hadiah semasa proses penghantaran. Sebarang kos tambahan lain (seperti kos perjalanan, kos pengangkutan, duti dan cukai) yang termasuk untuk menebus atau mengambil hadiah akan ditanggung oleh pemenang atas kos mereka sendiri.</p>
--	---

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan yang boleh didapati di: <https://www.maggi.com.my> secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua peserta yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”).

Dengan menyertai promosi, anda telah membaca dan bersetuju dengan **Terma dan Syarat** dan pemprosesan maklumat peribadi anda dalam **Notis Privasi**.

Talian Perkhidmatan Pengguna: 1800 88 3433.

B. Syarat-syarat Penyertaan

1. Pengenalan

1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua Peserta (dan ibu bapa/penjaga Peserta yang sah, jika Peserta bawah umur) yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”). Jika terdapat sebarang ketidakseragaman antara syarat Penyertaan ini dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang

ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.

- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Promosi, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi secara keseluruhan atau sebahagian. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Promosi akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Promosi termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta, dan surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayani.

2. Penyertaan Promosi

- 2.1 Dengan mengemukakan Penyertaan untuk Promosi ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada Penyertaan dalam Promosi, termasuk tanpa terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas (SMS), pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan oleh Peserta semasa atau berhubung dengan Promosi hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.4 Bukti penghantaran Penyertaan bukan bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang Penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau Penyertaan yang tidak diterima. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemotongan, kerosakan, kelewatan, kegagalan operasi atau transmisi, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau perubahan komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem, perisian, kegagalan e-mel atau penerimaan Penyertaan disebabkan oleh masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di internet.

3. Kelayakan

- 3.1 Jika umur kelayakan Peserta sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan iaitu di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang ditetapkan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga mereka yang sah sebelum menyertai Promosi dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.

- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi termasuk tanpa had, dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga mereka yang sah dalam kes Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

4. Tidak layak

Kumpulan orang di bawah tidak layak untuk menyertai Promosi:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang ada kaitan dengan Promosi dan ahlikeluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka).

5. Perlucutan Kelayakan

- 5.1 Penyertaan berikut akan disingkirkan:

- (b) Penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
- (b) Penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.

- 5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:
- (a) menjelaskan, telah atau cuba menjelaskan perjalanan Promosi dengan pemalsuan, penipuan atau perdayaan; dan/atau
 - (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi apabila diminta untuk pengesahan Penganjur.

- 5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang lucut kelayakan.

6. Hadiah

- 6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta yang gagal mengutip Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.

- 6.2 Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan barang yang sama nilainya pada bila-bila masa tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserah hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.

- 6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.
- 6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Pengajur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.
- (a) **Tiket Acara:**
Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.
- (b) **Hadiah Pelancongan/Percutian:**
Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti diambil menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Pengajur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.
- 6.5 Hadiah diberikan berdasarkan “keadaan sedia ada.” Hadiah hendaklah digunakan/diambil atas risiko Peserta sepenuhnya dan Pengajur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang.
- 6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Pengajur menetapkan cara lain untuk kutipan.
- 6.7 Jika Peserta bawah umur 18 tahun dan diisyiharkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga mereka yang sah sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

7. **Publisiti**

Penganjur boleh menggunakan Penyertaan Peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Promosi (secara kolektif dinamakan “Bahan”), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan Promosi mana-mana barang atau perkhidmatan Pengajur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Pengajur.

8. **Hak Milik Intelektual**

Peserta bersetuju bahawa semua hak milik intelektual dalam mana-mana kandungan dan/bahan yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berkaitan dengan Promosi dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya secara kekal dan tanpa syarat akan menjadi hak, kepunyaan dan milik Pengajur. Pengajur berhak untuk menggunakan dan mengubah suai bahan atau hasil kerja sedemikian dalam apa

cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas bahan atau hasil kerja sedemikian.

9. Indemniti

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur, syarikat pegangan, anak syarikat atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan segala kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan) yang timbul daripada atau ditanggung akibat Penyertaan Peserta dalam Promosi, penerimaan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah, Penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berkaitan dengan Promosi atau pelanggaran Terma dan Syarat.

10. Had Liabiliti

- 10.1 Penyertaan Peserta dalam Promosi adalah atas risiko Peserta sendiri.
- 10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kehilangan atau kerosakan dan sebagainya yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan secara tidak langsung atau berbangkit, atau bagi kecederaan diri yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang timbul daripada atau berkaitan dengan Penyertaan Peserta dalam Promosi, dan juga penebusan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah yang dimenangi.

11. Am

- 11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Promosi dan Terma dan Syarat jika mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan dalam keadaan sedemikian mereka tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk membayar pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun.
- 11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam mana-mana bahan (termasuk bahan pemasaran dan Promosi) berhubung dengan Promosi, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Promosi ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada, pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik sedemikian bukan sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.
- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau subkontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau

melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.

- 11.4 Ketaksahan, tindakan yang menyalhi undang-undang atau kegagalan pengutkuasaan mana-mana terma tidak akan menjaskan atau mempengaruhi kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Promosi yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Promosi disediakan dalam bahawa Bahasa Inggeris dan bahasan lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasakan dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Promosi hendaklah diertikan, ditadbir dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

12. Notis Privasi

- 12.1 Dengan menyertai Promosi, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur berdasarkan Notis Privasi di https://www.nestle.com.my/info/privacy_policy/privacy_bm.
- 12.2 By participating in the Promotion, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice.